

31 JUL 2002

PRESIDEN GHANA LAWAT TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Presiden Ghana John Agyekum Kufuor hari ini melawat Mimos Berhad dan Iris Technologies (M) Sdn Bhd di Taman Teknologi Malaysia, di sini.

Lawatan beliau yang bermula di Mimos, disambut oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Mimos Datuk Tengku Dr Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim.

Dalam lawatan selama satu jam itu, Kufuor diberikan taklimat mengenai fungsi dan perkembangan terkini Majlis IT Kebangsaan oleh pengarah eksekutifnya Dr K J John.

Selepas itu, Kufuor melawat Iris Technologies yang terletak bersebelahan dengan Mimos. Ketibaannya disambut oleh Pengerusi Iris, Tan Sri Razali Ismail.

Kufuor tiba Isnin lepas untuk lawatan rasmi empat hari ke negara ini.

Beliau dijadual berangkat ke Langkawi esok bagi menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

Semalam, beliau mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Putrajaya.

-- BERNAMA

SHI MFJ MAI